

Johor mahu jadi penjana utama tenaga global

Batu Pahat: Johor optimis dalam usaha menjadi perintis utama penghasilan tenaga alternatif biodiesel di negara ini, malah berhasrat untuk muncul sebagai antara penjana utama tenaga global di masa depan.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, matlamat jangka masa panjang itu diharap dapat direalisasikan menerusi loji pemprosesan minyak dan gas Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) di sini, yang dibangunkan pada 2012 bernilai RM13 juta.

Menurut beliau, loji berkeluasan 1,000 meter persegi itu direka bagi memproses minyak sawit mentah menjadi biodiesel sebagai bahan bakar.

“Loji tu sendiri adalah satu makmal untuk mengkaji tenaga alternatif menggunakan biodiesel. Malah kita tahu Johor antara negeri pengeluar minyak sawit mentah terbesar di negara ini.



MOHAMED Khaled menyaksikan majlis menandatangani MoA antara UTHM dengan JPDC, semalam.

“Jadi sudah tentulah bahan-bahan daripada minyak sawit boleh digunakan sebagai tenaga alternatif yang boleh dijalankan oleh loji itu,” katanya pada sidang media selepas merasmikan loji berkenaan di UTHM, semalam.

Pada majlis itu, beliau turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persetujuan (MoA) antara UTHM yang diwakili Naib Canselor UTHM Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Johor Petroleum Development Corporation Bhd

(JPDC) diwakili Ketua Eksekutifnya Mohd Yazid Ja'afar.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, kewujudan loji itu juga menjadi langkah penting dalam mendukung agenda kelestarian Johor bagi tempoh jangka panjang.